

Dr M: Cadangan belanjawan pembangkang satu jenaka

17 SEP 2002

PUTRAJAYA 16 Sept. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyifatkan cadangan pakatan pembangkang untuk membenteng belanjawan versi mereka di Parlimen sebagai satu jenaka.

Perdana Menteri berkata, belanjawan pembangkang itu jelas bermotifkan politik, bertujuan mencari populariti di kalangan rakyat dan ingin menunjukkan betapa baiknya mereka.

“Ia adalah jenaka. Mereka (pembangkang) tidak tahu berapa banyak wang yang kita ada tetapi mereka hendak buat belanjawan.

“Yang mereka tahu ialah bagaimana untuk membelanjakan wang,” katanya kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Khidmat Cemerlang Kementerian Kewangan dan merasmikan bangunan baru Khazanah Malaysia di sini hari ini.

Minggu lalu, pakatan pembangkang mengumumkan akan membenteng belanjawan mereka pada 23 September ini iaitu tiga hari selepas Belanjawan Negara 2003 dibentangkan.

Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan akan membenteng Belanjawan Negara di Dewan Rakyat, Jumaat ini.

Perdana Menteri berkata, beliau juga boleh membenteng belanjawan yang akan menjadi kerajaan popular tetapi itu tidak mungkin akan dilakukannya.

“Saya perlu bertanggungjawab,” tegasnya.

Katanya, tanggungjawab itu bukan sahaja dalam soal membelanjakan wang negara tetapi juga dalam soal mengumpulkan wang untuk negara.

“Ini tidak. Mereka (pembangkang) sudahlah tidak bertanggungjawab mengutip wang, mereka hendak ada belanjawan pula.

“Belanjawan mereka sudah tentu bermotif politik untuk menunjukkan betapa baiknya mereka dan kenapa orang mesti sokong mereka,” katanya.

Ditanya mengenai beberapa perkara dalam Belanjawan 2003, beliau berkata, semuanya akan diumumkan pada Jumaat ini.

“Tunggulah...belanjawan saya tidak akan ada kesan kalau saya beritahu awak (pemberita) dulu.

“Saya juga hendak tarik perhatian kepada belanjawan saya. Kalau saya beritahu sekarang, awak mungkin tidak datang (untuk mendengar),” katanya.

Ditanya mengenai pilihan raya umum, Dr. Mahathir sekali lagi berkata bahawa ia akan diadakan apabila masanya tiba.

“Mungkin minggu depan, mungkin tahun depan atau mungkin tahun selepas itu...bila-bila masa sahaja,” katanya.

Jumaat lalu, semasa berucap pada majlis

perasmian kilang membuat komponen pesawat Boeing, Asian Composites Manufacturing Sdn. Bhd. (ACM) di Kedah, Perdana Menteri membayangkan Belanjawan 2003 yang akan dibentangkannya adalah belanjawan yang menarik dan menggalakkan.

“Saya akan benteng belanjawan pada tahun ini dan saya yakin bahawa belanjawan kali ini agak menarik dan menggalakkan,” katanya tanpa menghuraikan dengan lebih lanjut.